

Bil. S 29

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TABUNG AMANAH PEKERJA (PINDAAN), 2015

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 167.
 3. Pemasukan bab-bab 5B, 5C dan 5D baru.
 4. Pindaan bab 16.
 5. Pindaan bab 17.
 6. Penggantian bab 25.
 7. Pindaan bab 30.
 8. Pemasukan bab 31B baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TABUNG AMANAH PEKERJA (PINDAAN), 2015

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Tabung Amanah Pekerja (Pindaan), 2015.

Pindaan bab 2 dari Penggal 167.

2. Bab 2 dari Akta Tabung Amanah Pekerja, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memasukkan takrifan-takrifan baru yang berikut mengikut susunan abjad yang berkenaan —

“Pengerusi” bermakna Pengerusi Lembaga yang disebut dalam bab 4(1)(a);

“Ketua Eksekutif” bermakna Ketua Eksekutif yang disebut dalam bab 4(13);

“Timbalan Pengerusi” bermakna Timbalan Pengerusi Lembaga yang disebut di bawah bab 4(1)(b);

“Pengarah Urusan” bermakna Pengarah Urusan yang dilantik di bawah bab 3A;”

Pemasukan bab-bab 5B, 5C dan 5D baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 5A tiga bab baru yang berikut —

“Kuasa untuk memeriksa orang.

5B. (1) Tanpa menjejaskan bab 5(3), seseorang pemeriksa atau mana-mana pegawai yang disebut dalam bab 5(2), semasa menjalankan suatu pemeriksaan di bawah bab 5(3), boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah ditulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu.

(2) Orang itu hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan dengan benar berhubung dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh pemeriksa tersebut atau mana-mana pegawai yang disebut dalam bab 5(2), tetapi boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya cenderung akan mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau perlucutan hak.

(3) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah peruntukan-peruntukan bab ini hendaklah dibacakan kepadanya dan hendaklah, selepas pembetulan jika perlu, ditandatangani olehnya.

(4) Mana-mana orang yang menghalang seseorang pemeriksa atau mana-mana pegawai yang disebut dalam bab ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Kuasa untuk menaksir caruman berasaskan kepada maklumat yang ada.

5C. (1) Seseorang pemeriksa boleh menaksir apa-apa caruman yang kena dibayar oleh mana-mana majikan berasaskan kepada apa-apa maklumat yang ada jika majikan itu —

(a) gagal menyimpan atau menyelenggarakan apa-apa penyata, butir-butir, buku daftar atau apa-apa rekod berkenaan dengan setiap pekerja sebagaimana yang dikehendaki untuk dilaksanakan olehnya di bawah Akta ini; atau

(b) gagal atau enggan mengemukakan apa-apa penyata, butir-butir, buku daftar atau rekod berkenaan dengan setiap pekerja sebagaimana yang dikehendaki untuk dikemukakan olehnya di bawah Akta ini.

(2) Taksiran yang dibuat di bawah cerai (1) adalah bukti yang mencukupi mengenai tuntutan Lembaga bagi mendapatkan balik terus apa-apa caruman di bawah bab 31A.

Kuasa Ketua Eksekutif untuk meminta maklumat dan permohonan bagi waran geledah.

5D. (1) Bagi maksud mendapatkan maklumat lengkap bagi memastikan sama ada mana-mana orang bertanggungjawab untuk membayar caruman di bawah Akta ini, Ketua Eksekutif boleh, dengan notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang —

(a) untuk memberi kepada Ketua Eksekutif dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu yang tidak kurang daripada 30 hari dari tarikh notis tersebut apa-apa maklumat atau butir-butir yang dinyatakan dalam notis itu;

(b) untuk hadir sendiri di hadapan Ketua Eksekutif atau mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Ketua Eksekutif dan mengemukakan untuk pemeriksaan semua buku, akaun, rekod dan dokumen lain yang dianggap perlu oleh Ketua Eksekutif atau pegawai yang diberi kuasa itu; atau

(c) untuk memberi maklumat atau butir-butir menurut perenggan (a) dan juga hadir menurut perenggan (b).

(2) Jika seseorang itu didapati melakukan suatu kesalahan di bawah cerai (4)(a), mahkamah yang di hadapannya orang itu didapati bersalah hendaklah memerintahkan orang itu untuk mematuhi notis Ketua Eksekutif di bawah cerai (1) dalam masa 21 hari dari tarikh perintah mahkamah itu.

(3) Apabila pada pendapat mana-mana mahkamah, atas maklumat bertulis dengan mengangkat sumpah, dan selepas apa-apa siasatan yang mungkin difikirkannya perlu, bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa terdapat di premis tertentu apa-apa buku, akaun, rekod atau dokumen lain yang pengemukaannya telah dikehendaki menurut cerai (1) dan tidak dikemukakan bagi mematuhi kehendak itu, maka mahkamah itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada Ketua Eksekutif atau mana-mana orang yang dinamakan di dalamnya dengan atau tanpa bantuan —

(a) untuk menggeledah premis itu dan untuk memecah buka dan menggeledah mana-mana almari, laci, peti, koper, kotak, bungkusan atau bekas lain, sama ada suatu lekapan atau tidak, di dalam premis itu; dan

(b) untuk mengambil milik, atau melindungi daripada gangguan, apa-apa buku, akaun, rekod atau dokumen lain yang ternyata adalah buku, akaun, rekod atau dokumen lain yang pengemukaannya dikehendaki demikian.

(4) Mana-mana orang yang —

(a) gagal mematuhi cerai (1); atau

(b) menghalang Ketua Eksekutif atau mana-mana orang yang dinamakan di dalamnya yang disebut dalam cerai (3),

adalah melakukan suatu kesalahan.”.

Pindaan bab 16.

4. Bab 16 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam ceraian (1) —

(i) dengan memotong “skim yang diluluskan” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “skim yang diluluskan oleh Menteri”;

(ii) dengan memotong “akaun biasa orang itu” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “akaun orang itu sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri”;

(b) dengan memasukkan sejurus selepas ceraian (1) ceraian baru yang berikut —

“(1A) Apa-apa kurnia wang tunai yang dibayar ke dalam Tabung di bawah ceraian (1) hendaklah diganti bayar menurut terma-terma dan syarat-syarat kurnia wang tunai itu.”;

(c) dalam ceraian (3), dengan memasukkan “terma-terma dan” sejurus sebelum “syarat-syarat” dalam baris kelima.

Pindaan bab 17.

5. Bab 17 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (1), dengan memasukkan “dalam akaun biasanya” sejurus selepas “Tabung” dalam baris kedua.

Penggantian bab 25.

6. Bab 25 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Kesalahan oleh badan korporat dll.

25. Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan atau aturan yang dibuat di bawahnya dilakukan oleh suatu badan korporat, perkongsian, persatuan atau kumpulan orang lain dibuktikan telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan apa-apa kecuaiannya pada pihak mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya badan korporat, perkongsian, persatuan atau kumpulan orang lain itu, atau mana-mana orang yang dikatakan bertindak atas jawatan itu, maka dia dan juga badan korporat, perkongsian, persatuan atau kumpulan orang lain itu adalah melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.”.

Pindaan bab 30.

7. Bab 30 dari Akta itu adalah dipinda, dengan memotong “yang ditetapkan oleh Lembaga” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “yang mungkin dibenarkan olehnya”.

Pemasukan bab 31B baru.

8. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 31A bab baru yang berikut —

“Tanggungan bersama dan berasingan ke atas pengarah, dll.

31B. (1) Jika apa-apa caruman masih belum dibayar oleh suatu badan korporat, perkongsian, persatuan atau kumpulan orang, maka, dengan tidak menghiraukan apa-apa jua yang berlawanan dalam Akta ini atau sebarang undang-undang bertulis lain, pengarah atau bekas pengarah badan korporat itu, atau rakan kongsi atau bekas rakan kongsi perkongsian itu, atau ahli-ahli persatuan atau kumpulan orang itu atau pemegang jawatan persatuan atau kumpulan orang itu, mengikut mana yang berkenaan, dalam tempoh caruman itu kena dibayar, hendaklah bersama dengan badan korporat, perkongsian, persatuan atau kumpulan orang itu bertanggungungan untuk membayar caruman, bersesama dan berasingan bertanggungungan bagi caruman yang genap masanya dibayar dan kena dibayar kepada tabung.

(2) Dalam bab ini, “caruman” termasuk apa-apa dividen, bayaran perkhidmatan dan penalti yang kena dibayar ke atas mana-mana caruman, yang dikenakan oleh Lembaga di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan atau aturan yang dibuat di bawahnya.”.

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 13 haribulan April, 2015 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM